

U B862 A A B
MAHATHIR - NIC 3 KUALA LUMPUR
(I)

+APA HAK YANG ADA PADA NEGARA-NEGARA MAJU UNTUK MENGAMBIL
TINDAKAN TERHADAP NEGARA-NEGARA YANG MENINGKAT MAJU, ?+ TANYA PERDANA
MENTERI.

PERDANA MENTERI MENARIK PERHATIAN TENTANG KEGHAIRAN SESETENGAH
RAKYAT NEGARA INI SUPAYA MALAYSIA DIPANGGIL NIC DAN BELIAU
MENGINGATKAN BAHAWA JIKA MALAYSIA MENERIMA GELARAN ITU, MEREKA JUGA
HARUS SANGGUP MENERIMA KESAN-KESANNYA.

+MALAYSIA LEBIH BERMINAT UNTUK MENCAPAI KEMAJUAN DAN
NEGARA-NEGARA MAJU BOLEHLAH MENYIMPAN GELARAN ITU DAN MENIKMATI APA
YANG ADA PADANYA.+

BELIAU JUGA MENYENTUH BEBERAPA PERKARA LAIN TERMASUK PERSAINGAN
EKONOMI DUNIA, BERTAMBAHNYA SEKATAN OLEH BLOK-BLOK EKONOMI UTAMA,
PERKEMBANGAN EKONOMI DALAM NEGARA, DASAR EKONOMI BARU DAN
PENGUBALAN DASAR EKONOMI NEGARA SELEPAS TAHUN 1990.

PERDANA MENTERI KEMUDIAN MERASMIKAN KONVENSIEN TIGA HARI ITU
ANJURAN PERSATUAN EKONOMI MALAYSIA YANG DIHADIRI OLEH KIRA-KIRA 200
PESERTA. -- BERWAMA.

1630MST 0 7 0 8 89